

BAB KELIMA

PENUTUP

KESIMPULAN

Berasaskan kepada penelitian dan kajian yang telah dilakukan berkenaan dengan "Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi", maka dapatlah dirumuskan beberapa kesimpulan.

Tauhid merupakan perkara asas dalam Islam. Seseorang yang mempunyai asas tauhid yang kukuh mampu menambahkan keimanannya kepada Allah (S.W.T.), para Rasul, para malaikat, Hari Akhirat dan lan-lain. Justeru itu, kedudukan tauhid adalah seumpama kepala jika ia dinisbahkan kepada anggota badan.

Kajian ini juga menjelaskan bahawa para ulama Kitab Jawi telah memberikan sumbangan yang besar dalam usaha penyebaran dan pengukuhan akidah Islamiyyah di Nusantara melalui karya-karya mereka yang dikenali sebagai Kitab Jawi. Sebagai buktinya, dalam pengajian Islam sehingga kini, Kitab Jawi masih dipelajari

dan dikaji dalam memahami ilmu-ilmu Islam. Di samping itu, khazanah peninggalan mereka ini terus mendapat perhatian dengan adanya kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana dalam memahami pemikiran ulama silam tersebut dari masa ke semasa.

Menyentuh tentang peranan Kerajaan Melayu-Islam di Nusantara, kerajaan-kerajaan tersebut telah memainkan peranan menyemarakkan lagi perkembangan dan penyebaran Islam di Nusantara dengan kelahiran tokoh-tokoh ulama dan seterusnya para pengarang Kitab Jawi. Misalnya pada zaman keagungan Aceh, perkembangan pengajian ilmu tauhid semakin rancak dengan adanya tokoh seperti Syaikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī dan 'Abd al-Raūf al-Fansūrī. Ini menunjukkan bahawa para ulama Islam di Nusantara telah terlibat secara langsung dalam usaha penulisan dan penterjemahan karya-karya Melayu-Islam dalam pelbagai bidang keilmuan Islam.

Lantaran itu, kemunculan Kesultanan Aceh (1511H-1560M) dan kemudiannya Kesultanan Johor-Riau (1650H-1850M), maka penulisan Kitab Jawi menjadi bertambah rancak melalui dorongan yang dilakukan oleh para pemerintah serta adanya kesedaran daripada para ulama sendiri.

Berkenaan sejarah penulisan Kitab Jawi pula, pengarang-pengarang Kitab Jawi berasal daripada seluruh Kepulauan Melayu dan sebahagiannya dapat diketahui melalui gelaran pada nama mereka seperti al-Faṭānī, al-Falembānī, al-Boqorī, al-Funtiyānī dan lain-lain. Penguasaan pelbagai aspek keilmuan Islam oleh para ulama Kitab Jawi dapat dilihat dengan jelas melalui sumbangan hasil karya mereka yang meliputi pelbagai bidang seperti akidah, fekah, tasauf, hadis, sejarah, tafsir dan lain-lain.

Merujuk kepada perkembangan pemikiran ilmu tauhid di Nusantara, jelasnya dengan asas yang sudah terbina sejak zaman Samudera-Pasai (1042-1444M) dan seterusnya pada zaman keagungan Aceh (1606-1636M), maka terbentuklah akidah Islam di Nusantara pada abad ke-18 dan ke-19 Masihi. Misalnya pada zaman keagungan Aceh yang diperintah oleh Sultan Iskandar Muda, maka aliran *Kalām* menurut fahaman Asyā'irah telah diisyiharkan sebagai pegangan rasmi kerajaan dan serentak dengan itu juga pengharaman terhadap aliran-aliran yang lain.

Sehubungan dengan itu, isi kandungan kitab-kitab yang membahaskan berkenaan dengan masalah tauhid hanya berkisar

kepada ajaran Asyā'irah terutamanya tentang "Sifat Dua Puluh". Sebenarnya dalam perkembangan penulisan ilmu tauhid di Nusantara, maka pendapat al-Sanūsī (w. 895 H) melalui kitabnya **Umm al-Barāhīn**, banyak dirujuk dan seterusnya dikembangkan oleh para ulama Kitab Jawi.

Antara faktor yang mempengaruhi perkara tersebut ialah berdasarkan tradisi keilmuan Islam yang telah mengalami kemunduran. Adalah diakui bahawa kemunduran pemikiran Islam pada akhir abad ke-15 Masihi sedikit sebanyak telah mempengaruhi penulisan Kitab Jawi oleh para ulama di Nusantara terutamanya dari aspek pendapat-pendapat ulama yang digunakan dalam pengajaran dan penulisan mereka. Oleh itu, usaha untuk meluaskan ruang lingkup perbahasan dan penerimaan pendapat ulama yang berbeza pandangan ~~kurang~~ mendapat perhatian.

Selain itu, kebanyakan kitab yang menjadi asas kepada tradisi keilmuan Islam sehingga kini, telah ditulis pada abad ke-10 Masihi hingga abad ke-15 Masihi. Terdapat juga beberapa karya penting telah ditulis sebelum atau selepas jangkamasa tersebut, tetapi sejak akhir abad ke-15 Masihi kemajuan pemikiran Islam tidak lagi menggalakkan atau agak statik.

Justeru itu, pola pemikiran dalam ilmu-ilmu ke-Islaman tetap sama, walaupun banyak perubahan telah berlaku dalam bidang keilmuan yang lajin seperti matematik, fizik dan kedoktoran akibat pengaruh dari Eropah. Selain itu, mengikut tradisi abad pertengahan bahawa ilmu dianggap sebagai sistem pengetahuan yang sudah lengkap. Dengan yang demikian, tiada usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang keagamaan.

Sehubungan dengan perkara tersebut, berlandaskan penganalisaan yang dilakukan terhadap dasar metafisika pemikiran Arab pada abad pertengahan, dengan mengkaji jenis karangan yang dihasilkan oleh para ulama dan ilmuan pada zaman itu, maka didapati bahawa jenis karya yang dihasilkan adalah agak terbatas. Setiap karya tentang sesuatu subjek akan berkisar kepada salah satu daripada tujuh kategori pembahasan yang berikut:

- a) Perlengkapan kepada teks yang belum lengkap.
- b) Perbaikan kepada teks yang belum lengkap.
- c) Perbaikan kepada teks yang terdapatnya kesalahan.

- d) Penjelasan (penafsiran) kepada teks yang masih samar.
- e) Peringkasan (ikhtisar) kepada teks yang panjang.
- f) Penggabungan teks-teks yang terpisah tetapi saling berkaitan (namun tiada usaha untuk melakukan sintesis).
- g) Menyelaraskan tulisan yang masih bercampur-aduk dan pengambilan kesimpulan daripada premis-premis yang sudah disepakati.

Sementara itu, kajian lanjutan yang dilakukan bagi masa pascaklasik gambaran pembahasan yang sedemikian masih sesuai bagi Kitab Jawi, di samping terjemahan ke dalam bahasa setempat sebagai kategori kelapan. Oleh itu, tradisi penulisan kitab Jawi yang dilakukan oleh para ulama di Nusantara tercakup dalam lapan kategori ini. 

Perlu diketengahkan bahawa meskipun dianggap sudah lengkap dan tidak boleh berubah, tradisi keilmuan Islam sangat luas ruang lingkupnya. Tradisi keilmuan Islam tetap fleksibel kerana tidak ada usaha untuk menjadikannya konsisten. Lantaran itu, setiap cabang ilmu adalah satu sistem yang

tertutup dan pada satu cabang ilmu mungkin terdapat dalil-dalil dan pandangan yang bertentangan dengan cabang ilmu yang lain. Misalnya ahli falsafah dan *mutakallimūn*, sufi dan ahli metafisika, *faqīh* dan ahli hadis, masing-masing mempunyai wacananya sendiri yang kadang-kadang bertentangan di antara satu sama lain (walaupun terdapat persamaan dalam pola pemikiran).

Ini menjelaskan bahawa hampir setiap masalah terdapat lebih daripada satu pendapat atau pendekatan yang berbeza dalam tradisi keilmuan Islam, tidak terkecuali dalam disiplin utama iaitu fekah; keempat-empat mazhab walaupun telah diterima umum tetapi berbeza dalam pelbagai permasalahan ketika mengeluarkan pendapat.

Secara ringkasnya, perbahasan berkenaan dengan ilmu-ilmu moden seperti logika, falsafah, metafisika, sains, kedoktoran (*tibb*) dan ilmu-ilmu moden yang lain telah beransur-ansur menyempitkan ruang perbahasan mengenai ilmu-ilmu agama atau wahyu seperti pengajaran hadis, tafsir, fekah dan lain-lain.

Lantaran itu, proses ini merupakan suatu halangan kepada perkembangan tradisi intelektual Islam khusus di pusatnya iaitu di Tanah Arab.

;

Memandangkan keadaan keilmuan Islam yang telah dicengkam oleh kemunduran, maka corak pengajian fekah misalnya tidak lagi merujuk kepada sumber asasnya iaitu al-Qur'an dan al-Hadis. Sebaliknya hanya merujuk kepada ulama-ulama mazhabiyah sahaja, termasuklah kepada ulama mazhab Syāfi'ī. Namun setiap permasalahan tidak terus dirujuk kepada karya-karya al-Syāfi'ī atau sekurang-kurangnya kepada al-Nawāwī dan yang setaraf dengannya, sebaliknya masalah tersebut akan dirujuk kepada kitab-kitab yang berbentuk syarah atau *ḥāsyiyah* sahaja; misalnya karya-karya Ibn Hajar al-Ḥaytamī, Zakariyyā al-Anṣārī, Khaṭīb al-Syarbīnī, Syam al-Dīn al-Ramlī dan lain-lain.

Menyentuh tentang konsep ilmu tauhid yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah (S.W.T.), para ulama Kitab Jawi menetapkan bahawa Allah (S.W.T.) memiliki banyak sifat. Ini kerana sifat-sifat tersebut menurut mereka untuk menunjukkan

kesempurnaan-Nya. Dengan yang demikian, "Sifat Dua Puluh" menurut mereka adalah sebahagian sahaja daripada sifat-sifat yang wajib diketahui secara *tafsīl*.

;

Perbezaan di antara yang mengithbatkan kepada dua puluh sifat dengan tiga belas sifat menurut para ulama Kitab Jawi adalah berpunca daripada pengithbatan mereka dalam persoalan *al-Hāl*. Bagi mereka yang mengithbatkan *al-Hāl*, maka mereka mengithbatkan dua puluh sifat dan membahagikan kepada empat bahagian iaitu *Nafsiyyah*, *Salbiyyah*, *Ma'āni* dan *Ma'nawiyyah*.

Sementara itu, bagi yang menafikan *al-Hāl* pula, mereka hanya mengithbatkan kepada tiga belas sifat sahaja dan dikeluarkan sifat-sifat *Ma'nawiyyah* di dalam perbahasan sifat dan berpendapat bahawa sifat *Ma'nawiyyah* itu ialah berdirinya sifat *Ma'āni* dengan zat Allah, bukan sebagai sifat yang *zā'id* yang berdiri dengan zat Allah. Namun begitu, para ulama Kitab Jawi berpendapat bahawa sifat-sifat Allah adalah *qadīm* dan ia *zā'id* kepada zat Allah (S.W.T.). Ini menunjukkan pendapat mereka dalam persoalan ini adalah selari dengan pendapat Asyā'irah.

Selanjutnya berhubung dengan persoalan kebaikan dan keburukan, para ulama Kitab Jawi menerangkan bahawa tidak ada kebaikan atau keburukan terhadap sesuatu perkara. Justeru itu, apa yang dipegintahkan oleh Allah kepada manusia untuk melakukannya adalah baik manakala apa yang ditegahnya adalah buruk. Kesemua perkara tersebut termasuk kewajipan mengenal Allah hanya ditentukan oleh syarak (wahyu).

Beralih kepada persoalan perbuatan Allah (S.W.T.), para ulama Kitab Jawi berpendapat bahawa Allah (S.W.T.) tidak harus melakukan sesuatu kerana mempunyai tujuan atau kemaslahatan tertentu. Mereka berpendapat demikian adalah untuk menunjukkan kesempurnaan Allah (S.W.T.) daripada segala kekurangan. Dalam erti kata yang lain, mereka tetap berkeyakinan bahawa segala perbuatan Allah mempunyai ~~nikmah~~ yang tertentu bagi mengelakkannya menjadi sia-sia.

Seterusnya para ulama Kitab Jawi tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa Allah (S.W.T.) mempunyai kewajipan memberi pahala kepada setiap perbuatan baik yang dilakukan oleh manusia. Menurut mereka Allah (S.W.T.) harus

melakukan sebaliknya kerana Allah (S.W.T.) tidak mempunyai sebarang kewajipan terhadap manusia. Para ulama Kitab Jawi mengatakan bahawa jika Allah mempunyai kewajipan maka ini akan menyebabkan Allah (S.W.T.) *iftiqār* (berkehendak) menunaikan kewajipan tersebut, maka perkara sedemikian menurut mereka adalah mustahil. Justeru itu, mereka menolak konsep *salāh* dan *aslah*.

Sehubungan dengan hal ini, para ulama Kitab Jawi berpendapat bahawa Allah (SWT) boleh membebankan seseorang dengan pemberian beban yang tidak terpikul. Ini menyebabkan mereka mengatakan bahawa Allah (S.W.T.) berkuasa untuk menyesatkan dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki di kalangan hamba-hamba-Nya .



Mengulas berkenaan dengan konsep janji baik dan ancaman buruk, para ulama Kitab Jawi mengatakan walaupun pada zahirnya Allah (S.W.T.) wajib membalaas setiap kebaikan yang dilakukan oleh manusia dengan kebaikan tetapi pada hakikatnya perkara tersebut berlaku adalah dengan rahmat dan kurniaan-Nya terhadap manusia. Oleh itu, ia sama sekali tidak boleh disamakan dengan konsep upah.

Berhubung dengan konsep pengutusan (*bi'thah*) rasul-rasul, para ulama Kitab Jawi mengemukakan bahawa perkara tersebut tidak wajib bagi Allah (S.W.T.), sebaliknya ia adalah harus sahaja. Mereka berpendapat sedemikian lantaran mereka berpegang kepada konsep Allah (S.W.T.) tidak mempunyai sebarang kewajipan terhadap manusia.

Menyentuh berkenaan konsep *Qadā'* dan *Qadar*, para ulama Kitab Jawi berpendapat bahawa seseorang perlu meyakini bahawa Allah (S.W.T.) telah menetapkan segala sesuatu sejak azali lagi. Tujuan mempercayai *Qadā'* dan *Qadar* menurut mereka adalah supaya manusia meredai atas apa yang berlaku kerana ia berlaku menurut ketetapan daripada Allah (S.W.T.). Selain itu, para ulama Kitab Jawi menerangkan bahawa tidak ada pelaku (*fā'il*) sebenar selain daripada Allah (S.W.T.) manakala penggunaan *al-fā'il* boleh dikaitkan kepada manusia secara *majāzī* sahaja.

Akhirnya, hasil daripada penelitian yang telah dijalankan jelas menunjukkan bahawa para ulama Kitab Jawi dalam membahaskan masalah-masalah tauhid, telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menerangkan kepada para pembaca berkenaan dengan

konsep tauhid yang sebenar sebagaimana yang diyakini oleh mereka. Justeru itu, aspek-aspek penting tentang tauhid sebagaimana yang terdapat di dalam Kitab Jawi adalah terkandung dalam kajian ini.